

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 2 , Halaman 12-23

Keistimewaan Kitab *Al-Hadi*: Karya Syarahan *Qira'at* Sepuluh

The Uniqueness of the Book of Al-Hadi: The Work of the Ten Qira'at Lectures

Sabri Mohamad¹, Hamdi Ishak², Mohd Faizulamri Mohd Saad³ & Muhammad Izzat Ngah⁴

^{1,2,3} Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). E-mail: sabri_m@ukm.edu.my, hamdi@ukm.edu.my, : faizam7879@ukm.edu.my.

⁴ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: muhdizzat@kuis.edu.my

Penulis Penghubung: Sabri Mohamad, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). E-mail: sabri_m@ukm.edu.my, No. Tel: +603 8921 514

ABSTRACT

The book of al-Hadi, written by al-Marhum Dr Muhammad Salim Muhaysin was the work of the text of hadith (matan) Tayyibah al-Nasyr which came during the writing of Ten Qira'at quite limited and rarely focused by the qira'at scholars. The work also came with the strength and privilege of its own approach compared to other books. Therefore, this article will be discussed and highlighted the privileges and advantages of the book in depth and effectively. The methodology of this study depends on the literature research or precisely known as text studies. The findings showed that among the privileges and advantages of the book are, from the presentation, explanations and descriptions that are easy to understand and concise but precise, references and others. The advantages do not exist in most of the previous books of al-Tayyibah which made it difficult for readers to understand it.

Keywords: *book of al-Hadi, Tayyibah al-Nasyr and Ten Qira'at, Qira'at Lectures*

ABSTRAK

Kitab al-Hadi, karangan al-Marhum Dr Muhammad Salim Muhaysin adalah karya syarahan matan Tayyibah al-Nasyr yang muncul disaat penulisan Qira'at Sepuluh agak terhad dan jarang diberi tumpuan oleh ulama qira'at. Karya tersebut juga terbit dengan kekuatan dan keistimewaannya pendekatannya yang tersendiri berbanding dengan kita syarahan lain. Sehubungan itu artikel ini akan membicarakan dan menonjolkan keistimewaan dan kelebihan kitab tersebut dengan lebih dekat dan berkesan. Metode penghasilan artikel bergantung kepada kajian perpustakaan atau lebih tepat kajian teks. Dapatan penulisan menunjukkan bahawa antara keistimewaan dan kelebihan kitab tersebut ialah, melalui persembahan, penjelasan dan penghuraian yang mudah difahami dan ringkas tetapi padat, rujukan dan lai-lain . Hal tersebut tidak



terdapat pada kebanyakan kitab-kitab syarah al-Tayyibah terdahulu yang terkadang agak menyukarkan para pembaca memahaminya.

Keywords

Kitab al-Hadi, Tayyibah al-Nasr dan Qira'at Sepuluh. Syarahan Qira'at

1.0 PENDAHULUAN

Sesebuah penulisan karya ilmiah pasti akan ada kekuatan dan keistimewaannya yang tersendiri. Begitu jugalah setiap karya Ilmu *Qira'at* yang telah dihasilkan oleh para ulama samaada 'Asyarah atau *Sab'ah* pasti ada keistimewaan dan pendekatan-pendekatannya yang tersendiri. Kitab *al-Hadi* hasil karya Syaykh Muhaysin yang turut mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri. Keistimewaan kitab *al-Hadi* syarah matan *Tayyibah* akan dibincangkan oleh penulis dari pelbagai sudut yang telah ditentukan iaitu, *Qira'at* yang dibincangkan, rujukan-rujukan yang dirujuk, ketokohan penulis, faktor kejarangan syarahan matan *Tayyibah*, persembahan secara bertajuk, gaya syarahan, isu-isu rasm, mempertahankan Ilmu *Qira'at*, memperkenalkan kabilah-kabilah, menyalin dan melampirkan semula matan *Tayyibah*, penggunaan kalimah-kalimah al-Quran, *hadith-hadith* dan *pentawjihan*.

2.0 PENGENALAN KITAB AL-HADI DAN PENGARANGNYA

Nama penuh judul kitab *al-Hadi* ialah: "*Al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nasr fi al-Qira'at al-'Asyr wa al-Kasyf 'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*" adalah salah sebuah karya syarahan matan al-Tayyibah karangan Imam ibn al-Jazari (Muhammad Salim Muhaysin 1997).

Berjudul, '*Al-Hadi*', kerana penulisnya begitu mengharapkan daripada Allah Taala, agar ia boleh menjadi petunjuk dan penyuluh kepada sesiapa sahaja yang hendak mempelajari dan mendalami Ilmu *Qira'at*. Tercetusnya idea untuk menulis karya tersebut ialah apabila beliau menyedari jumlah 'pensyarahnya' (Matan *al-Tayyibah*) amat sedikit dan ditambah lagi dengan kekurangan cetakannya. Berdasarkan pengamatan penulis, kitab '*al-Hadi*', tidak pernah dinyatakan bilakah tarikh ianya mula ditulis oleh penulisnya. Pun begitu, ianya berjaya diselesaikan selepas solat Asar pada hari Khamis, 20 Rabiul Awwal 1410H bersamaan 19 Oktober 1989M di Madinah al-Munawwarah (Muhammad Salim Muhaysin 1997).

Syaykh Muhammad Salim Muhaysin seorang tokoh besar dalam Ilmu *Qira'at Quraniyyah* yang telah banyak menabur sumbangan bakti kepada ilmu tersebut. Nama penuh beliau ialah, Muhammad Muhammad Muhammad Salim Muhaysin. Dilahirkan pada tanggal 11 Februari 1929 Masihi di Qaryah Rawdah di Daerah Faqus, Zaqaqi, Negeri *Syarqiyyah*, Mesir (Muhammaad Salim Muhaysin 1978). Ayahnya bernama Muhammad Muhammad Salim Muhaysin dan manakala ibunya pula bernama Taqiyyah Muhammad 'Atiyyah (Yasir Muhammad 2006).

Syaykh Muhaysin telah mendirikan rumahtangga dengan gadis pilihan keluarganya sendiri yang bernama Mahasin (Yasir Muhammad 2006). Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan dengan empat orang cahaya mata, Usamah, Yasir, Sa'id, dan Safa' (Yasir Muhammad 2006). Setelah menabur bakti dan jasa yang besar kepada masyarakat, beliau akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir pada waktu subuh 5 Mei 2001M pada usia mencecah 72 tahun. Atas wasiat beliau sendiri, beliau dikebumikan Qaryah Rawdah-al-Hajir (Muhammad Ibrahim 2006).

Tokoh besar tersebut selain 'menjuarai' bidang *Qiraat*, beliau juga aktif menulis dalam pelbagai bidang ilmu Islam seperti bidang, *Tajwid*, *Tafsir*, 'Ulum al-Quran, *Feqah* dan 'Ibadat, *Mu'amalat*, *Tarajim*, *Fatwa*, *Sirah*, *Bahasa*, *Tawhid*



dan Dakwah yang jumlahnya mencecah 104 buah karya. Dalam bidang pengajaran pula beliau telah menghabiskan sebahagian besar umurnya mengajar dan menabur bakti di luar Mesir, seperti Palestin, Sudan, Libya dan Arab Saudi.

3.0 BENTUK-BENTUK KEISTIMEWAAN

3.1 Jenis *Qira'at* Yang Dimuatkan

Sedia maklum, kedudukan dan keistimewaan *Qira'at* Mutawatirah amat jauh bezanya dengan *Qira'at* yang ditolak (*syadhdhah*) dari banyak sudut. Dengan membicarakan segala wajah-wajah atau gaya bacaan *Qira'at* Quraniyyah yang sahlah akan lebih menampakkan kekuatan dan kualiti penulisan sesebuah karya Ilmu *Qira'at* serta lebih menyerlahkannya dalam perbincangan ilmu tersebut.

Justeru itu, kitab al-Hadi jika dilihat dari awal persembahannya hingga ke akhirnya, ia telah membicarakan dan mendatangkan semua wajah atau gaya bacaan *Qira'at* Sahihah Mutawatirah tanpa mengabaikan atau mencicirkannya walau satu wajah pun. Gaya persembahan *Qira'at* Sahihah Mutawatirahnya yang begitu sempurna tersebut akan terserlah apabila dilihat dan diamati samaada pada syarahan bahagian usul atau pun farsy al-Huruf matan *Tayyibah al-Nasyr* bermula dari mula sampailah ke penyudahnya.

Oleh kerana kitab al-Hadi adalah merupakan karya syarahan kepada matan *Tayyibah* yang hanya membicarakan *Qira'at* 'Asyarah Mutawatirah, maka ianya sudah tentu tidak terkeluar daripada hanya membicarakan' membahaskan *Qira'at* 'Asyarah sahaja samaada pada bahagian usul atau pun farsy. Namun begitu, selepas penelitian mendalam dapat dilihat penulis al-Hadi telah menyebut sekali dalam kitabnya tersebut wajah *Qira'at* *Syadhdhah* ketika beliau menjadikannya sebagai 'penguat' dan penjelas ketika menjelaskan makna kalimah: (حاش) dalam (Surah Yusuf (12): 51). Wajah *syadh* tersebut ialah: (حاشاً لله). Penulis al-Hadi tidak hanya menyebut sahaja, bahkan demi untuk mengelak daripada timbul apa jua kekeliruan dan kesamaran di kalangan pembaca, beliau dengan jelas memberitahu bahawa wajah *Qira'at* yang di datangkan oleh beliau tersebut adalah *Qira'at* *Syadhdhah* (Muhammad Salim Muhaysin 1997, jilid 2).

Dengan disiplin dan cara praktikal sedemikian, kitab tersebut sebenarnya telah menyumbang dengan penuh bermakna kepada para penuntut Ilmu *Qira'at* dan ilmu itu sendiri dengan menyenaraikan semua wajah-wajah *Qira'at* Mutawatirah agar ianya mudah ianya dirujuk, dipelajari, dibaca dan dikaji. Di samping itu dengan cara menerapkan keseluruhan wajah-wajah *Qira'at* Mutawatirah juga ia akan memberi khidmat dan pengetahuan kepada sesiapa sahaja untuk mengetahui dan membezakan antara *Qira'at* yang diterima dan *Qira'at* yang ditolak dengan mudah dan cepat.

3.2 Rujukan Kitab *Al-Hadi*

Salah satu cara untuk menghasilkan sesebuah penulisan yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi, ialah dengan disokong kuat oleh rujukan-rujukan yang muktabar yang dirujuk, agar segala perpindahan maklumat dan penyokongannya berlaku dengan sempurna dan jelas sumber-sumbernya.

Sehubungan itu, dapat dilihat bagaimana terhasilnya kitab al-Hadi yang mana penulisnya banyak merujuk kepada rujukan-rujukan induk serta muktabar yang dianggap sebagai 'warisan' dalam bidang Ilmu *Qira'at* seperti: '*Taqrib al-Nasyr*', '*al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*' oleh Ibn al-Jazari, '*al-Taysir*' oleh al-Dani, '*al-Hujjah fi al-Qira'at al-Sab*' oleh Ibn Khalawayh dan banyak lagi yang akan disenaraikan pada bahagian berikutnya (Muhammad Salim Muhaysin 1997, jilid 3, hlmn 449-451).

Berikut pengenalan ringkas rujukan-rujukan tersebut mengikut bidang-bidangnya sebagaimana yang telah diklasifikasikan:



a. Buku-Buku Hadith dan Fadail.

1. Beliau merujuk kepada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (wafat 256H), Imam Muslim (wafat 261H), al-Turmidhi (wafat 279H), Abu Dawud (wafat 275H), al-Nasa'I (wafat 215H), Ibn Majah (wafat 273H), al-Hakim (wafat 405H), al-Darimi (wafat 255H), al-Tabarani (wafat 360H), al-Bayhaqi (wafat 458H) dan Imam Malik (wafat 179H).
2. *Al-Taj al-Jami' li al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, kitab hadith oleh Mubarak bin Muhammad al-Athir. Tidak dapat dipastikan adakah sandaran nama pengarang kitab tersebut samaada betul atau sebaliknya. Dan adakah ianya sama nama dengan kitab karangan al-Syaykh Mansur 'Ali Nasif (al-Syaykh Mansur 'Ali Nasif 1993). Penulis berpendapat, kemungkinan ianya adalah merupakan kesalahan cetakan atau tidak dapat ditolak juga kemungkinan berlaku kesilapan secara tidak sengaja oleh penulis al-Hadi.
3. *Tarhib wa al-Tarhib*, kitab hadith yang dihasilkan oleh Abu Muhammad Zaki al-Din 'Abd al-'Azim al-Mundhiriyy (wafat 656H).
4. *Al-Fadail fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*, kitab yang membicarakan kelebihan amalan-amalan oleh Syaykh Muhaysin sendiri.
5. *Majma' al-Zawaid*, salah sebuah kitab hadith yang dihasilkan oleh salah seorang tokoh besar ilmunan bidang tersebut, Imam al-Haythami (wafat 807H).

b. Buku-Buku 'Ulum al-Quran, Qira'at, Rasm dan Tafsir

1. *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*, oleh Ibn al-Jazari, karya terulung lagi tersohor yang dihasilkan oleh tokoh besar tersebut yang sentiasa menjadi rujukan dan panduan apabila membicarakan Ilmu Qira'at secara umumnya dan Qira'at Sepuluh secara khususnya.
2. *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*, kitab yang sama di atas yang ditahqiq semula oleh Syaykh Muhaysin sendiri.
3. *Rihab al-Quran*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Sebuah kitab yang membincangkan 'Ulum al-Quran yang turut mendedahkan perbincangan Ilmu Qira'at dengan panjang lebar.
4. *Al-Mursyid al-Wajiz*, oleh Abu Syamah al-Maqdisi. Kitab tersebut juga termasuk dalam kategori kitab 'Ulum al-Quran, namun ianya banyak membicarakan dan membahaskan isu-isu berkaitan Qira'at Quraniyyah.
5. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, oleh Imam Jalal al-Din al-Sayuti. Merupakan salah sebuah kitab rujukan 'Ulum al-Quran yang tersohor yang diiktiraf oleh para ulama' sebagai salah satu rujukan induk dalam bidang 'Ulum al-Quran.
6. *Al-Mustanir fi Takhrij al-Qira'at al-Mutawatirah*, sebuah karya yang membicarakan tawjih Qira'at Mutawatirah oleh Syaykh Muhaysin.
7. *Al-Muhaddhab fi al-Qira'at al-'Asyr*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Juga merupakan salah sebuah karya yang membicarakan Qira'at 'Asyarah dan Tawjihnya yang disusun mengikut setiap kalimah yang dikhilafkan samaada pada bahagian usul atau pun farsy berserta dalil-dalil daripada Tayyibah.
8. *Al-Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab'*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Kitab tersebut membicarakan Qira'at Sab'ah dengan mengikut gaya penulisan kitab al-Muhaddhab.
9. *Al-Mughni fi Tawjih al-Qira'at al-'Asyr al-Mutawatirah*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Ianya membicarakan pentawjihan usul dan farsy Qira'at Sepuluh.
10. *Al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah wa Tawjihaha min Tariq al-Durrah*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Kitab yang mengupas Qira'at Thalathah dan pentawjihannya mengikut Tariq al-Durrah.
11. *Manar al-Huda*, salah sebuah kitab yang membicarakan Ilmu Waqf dan Ibtida' dengan penuh lengkap dan teratur dalam al-Quran yang disusun secara bersurah oleh Syaykh al-Asyuni.

12. *Idah al-Rumuz wa Miftah al-Kunuz fi al-Qira'at al-Arba' 'Asyarah*, oleh Syaykh al-Qabaqibi (wafat 849H). Karya ini membicarakan Qira'at Empat Belas.
13. *Al-Qira'at wa Atharuha fi 'Ulum al-'Arbiyyah*, juga oleh Syaykh Muhaysin. Kitab yang membicarakan pengaruh Qira'at dalam Bahasa Arab.
14. *Mawrid al-Zam'an*, matan Ilmu Rasm dan Dabt al-Quran oleh al-Kharraz (wafat 718H).
15. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*, salah sebuah karya Raghīb al-Asfahani (wafat 502H) yang dikategorikan dalam Ilmu Tafsir.
16. *Al-Kasyf 'an Wujuh al-Qira'at al-Sab' wa 'Ilaliha wa Hujajiha*, oleh Abu Muhammad Makkiyy bin Abu Talib al-Qaysi. Kitab yang memfokuskan tawjih Qira'at Tujuh sahaja.
17. *Tanbih al-Khallan 'ala al-I'lan bi Takmil Mawrid al-Zam'an*, oleh Sayyidi 'Abd al-Wahid bin 'Asyir al-Andalusi (wafat 1040H). Sebuah kitab yang membicarakan Ilmu Rasm al-Quran.
18. *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, matan Qira'at Tujuh yang amat terkenal lagi masyhur yang dihasilkan oleh Imam al-Syatibiyy.
19. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, ringkasan kepada Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim oleh Syaykh Muhammad 'Ali al-Sabuni (wafat 1442H).
20. *Jami' al-Bayan*, salah sebuah karya tafsir tersohor yang dikarang oleh tokoh tafsir yang terkemuka, Imam al-Tabari.
21. *Fath al-Qadir*, salah sebuah kitab tafsir terkenal yang ditulis oleh Imam al-Syawkani (wafat 1255H).
22. *Al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar ma' Kitab al-Naqt*, kitab Rasm al-Quran oleh Imam al-Dani.
23. *Hujjah al-Qira'at*, salah sebuah karya Ilmu Qira'at yang menumpukan kepada pentawjihan wajah-wajah Qira'at oleh Ibn Zanjalah.
24. *Mukhtasar fi Syawadh al-Quran*, sebuah karya Qira'at Syadhhdah yang dihasilkan oleh Ibn Khalawayh.
25. *Ithaf Fudala' al-Basyar*, oleh Syaykh al-Banna (wafat 1117H). Kitab tersebut adalah merupakan salah sebuah karya Qira'at Empat Belas.
26. *Dalil al-Hayran 'ala Mawrid al-Zam'an*, oleh Syaykh al-Marghani. Kitab tersebut adalah merupakan syarahan matan Ilmu Rasm dan Dabt.
27. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, kitab tafsir aliran feqah terkenal yang dikarang oleh Imam al-Qurtubi (wafat 1255H).

c. Buku-Buku Bahasa dan Kamus

1. *Al-Muqtabis min al-Lahjat al-'Arabiyyah wa al-Quraniyyah*, oleh Syaykh Muhaysin. Sebuah kitab yang mengupas isu-isu lahjah dan kaitannya dengan Ilmu Qira'at secara meluas.
2. *Lisan al-'Arab*. Kamus besar tersebut telah dihasilkan oleh Ibn Manzur (wafat 711H).
3. *Al-Lahjah al-'Arabiyyah fi al-Qira'at al-'Arabiyyah*, oleh Syaykh Muhaysin. Kitab yang membicarakan lahjah-lahjah Arab yang terdapat dalam Qira'at al-Quraniyyah.
4. *Min Usul al-Lahjat al-'Arabiyyah*, sebuah karya yang membicarakan lahjah Arabiyyah oleh Dr. 'Abd Majid 'Abidin, salah seorang guru Syaykh Muhaysin.
5. *Al-Kasyf 'an Ahkam al-Waqf wa al-Wasl fi al-'Arabiyyah*, oleh Syaykh Muhaysin. Kitab yang mengupas hukum waqaf dan wasal dalam bahasa arab.
6. *Taj al-'Arus Syarh al-Qamus*, oleh al-Zubaydi (wafat 379H).
7. *Syarh al-Asymuni 'ala al-Alfiyah*, kitab syarahan Ilmu Nahw oleh al-Asymuni (wafat 900H).
8. *Hasyiyah al-Sibban 'ala al-Asymuni*, syarahan kepada kitab Syarh al-Asymuni oleh al-Sibban (wafat 1206H).
9. *Syarh Qatr al-Nada*, oleh Ibn Hisyam (wafat 835H)
10. *Al-Alfiyah*, matan ilmu Nahu yang dikarang oleh Ibn Malik (wafat 672H).
11. *Al-Insaf fi Masail al-Khilaf*, oleh Ibn al-Anbari (wafat 328H).
12. *Mu'jam al-Wasit*, kamus yang diterbitkan oleh Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, Mesir.
13. *Mughni al-Labib*, oleh Ibn Hisyam.
14. *Al-Misbah al-Munir*, kitab kamus karangan Ahmad 'Ali al-Fayyumi.
15. *I'rab al-Quran*, oleh al-Nuhas (wafat 338H)



16. *Al-Tibyan fi I'rab al-Quran*, oleh al-'Ukbari.
17. *Al-Muzhir fi al-Lughah*, oleh Imam al-Sayuti.
18. *Al-Sihhah*, kamus bahasa oleh al-Jawhari (wafat 393H).

d. Buku-Buku Tarajim/Biodata Tokoh-Tokoh

1. *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar*, oleh Imam Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (wafat 748H). Karya besar tersebut membicarakan tokoh-tokoh Qurra' dan biodata mereka.
2. *Mu'jam Huffaz al-Quran 'Abr al-Tarikh*, oleh Syaykh Muhaysin. Buku tersebut membicarakan terjemahan biodata tokoh-tokoh Qurra' dan pengenalan mereka.
3. *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*, oleh Ibn al-Jazari. Karya tersebut juga membincangkan tokoh-tokoh Qurra'.
4. *Wafiyat al-A'yan*, salah sebuah ekslopedia terjemahan tokoh-tokoh ulama' oleh Ibn Khallikan (wafat 681H).
5. *Tahdhib al-Tahdhib*, kitab terjemahan biodata ahli-ahli hadith oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (wafat 852H).
6. *Tabaqat al-Mufassirin*, oleh al-Dawudi (wafat 945H).

Melihat kepada timbunan senarai rujukan yang merangkumi pelbagai bidang disiplin Ilmu Pengajian Islam tersebut, jelas menunjukkan bahawa sebahagian besarnya adalah rujukan yang muktabar dan berkaliber dalam bidang ilmu-ilmu Islam yang telah dihasilkan oleh para ulama' yang terkemuka. Hasilnya, apabila sesebuah penulisan yang terhasil daripada pelbagai adunan rujukan yang hebat maka InsyaAllah ianya akan membuahkan sebuah penulisan yang bermutu dan berkualiti. Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa kitab al-Hadi adalah salah satu karya Ilmu Qira'at 'Asyarah yang mempunyai nilai, keistimewaan serta kualitinya yang tersendiri berdasarkan kepada beberapa perkara yang dinyatakan sebelum ini.

4.0 KETOKOHAN PENULIS

Faktor ketokohan penulis, Syaykh Muhammad Salim Muhaysin sebagai salah seorang tokoh Ilmu Qira'at Quraniyyah yang hebat di kurun ke 20 juga memainkan peranan yang besar dalam meletakkan dan menonjolkan keistimewaan kitabnya. Sebelum menonjol dengan kepakaran yang dimilikinya dalam Ilmu Qira'at, beliau telah pun mendapat didikan dan tunjuk ajar daripada guru-guru yang berketerampilan semenjak dari kecil lagi. Beliau juga telah memperjuangkan Ilmu Qira'at dengan penuh dedikasi dan gigih melalui aktiviti-aktiviti penulisan dan pengajarannya di pelbagai tempat demi memartabatkan ilmu tersebut di persadanya yang sebenar.

Kitab 'al-Hadi' dihasilkan oleh beliau, setelah selesai mengharungi liku-liku perjalanan pengajiannya, pengalaman pengajaran yang diperolehi, penghasilan timbunan tulisan dan telah mencapai tahap umur yang amat matang. Buktinya, jika dilihat kepada tahun kelahiran beliau pada 1929M dengan tahun beliau meninggal dunia jelas ia menunjukkan bahawa al-Hadi berjaya dihasilkan ketika beliau berumur 60 tahun! Tegasnya, 'al-Hadi' muncul selepas mana penulisnya telah pun 'masak' dan amat berpengalaman dengan selok-belok Ilmu Qira'at dan setelah mana beliau memiliki kepakaran ilmu yang tinggi.

5.0 SYARAHAN MATAN TAYYIBAH JARANG DIHASILKAN

Jika dikaji dan dianalisa karya-karya yang mensyarahkan matan *Tayyibah* semenjak ianya 'dilahirkan' hingga kini, hasilnya menunjukkan bahawa tidak banyak yang boleh kita cungkil berbanding dengan syarahan-syarahan matan *al-Syatibiyyah*. Menurut Dr. Nabil Muhammad, matan *Tayyibah* mula disyarahkan oleh Ibn al-Jazari sendiri, kemudian oleh anak beliau sendiri, Muhammad Ibn al-Jazari, kemudian antaranya oleh Syaykh al-Nuwayri, Muhammad Sadiq Qamhawi, Syaykh al-Tarmasi dan beberapa nama lain.



Melihat kepada antara faktor kejarangan tersebut, penulis berpendapat kitab *al-Hadi* telah melonjakkan dirinya di dalam senarai kitab-kitab yang mensyarahkan matan *Tayyibah* yang mempunyai gaya dan persembahannya yang tersendiri. Pengarangnya telah tampil dengan mengisi ruang kejarangan tersebut dengan amat bermakna sekali yang akhirnya boleh memberi manfaat kepada para penggiat Ilmu *Qira'at* secara umumnya dan *Qira'at 'Asyarah* secara khasnya.

Inilah faktor-faktor keistimewaaan kitab '*al-Hadi*' secara umum yang penulis rasakan ianya sememangnya ada dan dimilikinya. Dengan hanya mematuhi dan mendatangkan *Qira'at Sahihah* sahaja dalam penulisannya, merujuk kepada rujukan-rujukan yang muktabar dalam pelbagai bidang, terutamanya bidang Ilmu *Qira'at*, ketokohan dan kematangan ilmu penulis itu sendiri dan jarangnyanya syarahan *Tayyibah* dilakukan oleh para ilmuan, ianya telah menyerlahkan kitab tersebut sebagai salah satu syarahan *Qira'at 'Asyarah* dan karya Ilmu *Qira'at* yang amat bermanfaat dan bernilai kepada semua.

6.0 PERSEMBAHAN SECARA BERTAJUK

Persembahan *al-Hadi* pada bahagian usul dengan secara bertajuk dan bertopik amat menarik perhatian sekali, begitu menyerlahkannya dan belum pernah dilakukan oleh mana-mana pensyarah matan *Tayyibah* sebelum ini. Walaupun Ibn al-Jazari selaku penulis matan *Tayyibah* tidak membahagi-bahagikan bayt-bayt matannya kepada tajuk-tajuk tertentu, namun dengan daya kreatif Syaykh Muhaysin beliau berjaya mempersembahkan syarahannya dengan cara dan pendekatan yang tersendiri.

Pada bahagian mukaddimah, beliau telah membuat tajuk-tajuk kecil yang bersesuaian dengan beberapa bayt matan yang ditentukan oleh beliau yang kemudiannya diikuti dengan syarahan. Cara tersebut (pada bahagian mukaddimah) merupakan suatu pembaharuan yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana pensyarah *Tayyibah* sebelum ini. Antara kelebihan cara tersebut ialah akan lebih memudahkan para pembaca mempelajarinya, memahaminya dan mengelakkan daripada kejemuan.

Inilah salah satu tarikan utama dan keistimewaan kitab '*al-Hadi*' yang menggunakan pendekatan syarahan secara bertajuk. Bentuk syarahan sedemikian adalah merupakan suatu pembaharuan dan sumbangan yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana penulis *Qira'at* sebelum Syaykh Muhaysin. Yang menjadi kelaziman penulis-penulis lain ialah dengan cara terus mensyarahkan mukaddimah tersebut tanpa ada pecahan-pecahan kepada tajuk-tajuk khusus.

Namun, melalui bayt-bayt mukaddimah Ibn al-Jazari tersebut, Syaykh Muhaysin telah membahagi-bahagikannya kepada tajuk-tajuk khusus agar ianya lebih mudah difahami oleh para pembaca dan dapat menarik minat mereka, di samping nampak lebih tersusun dan sistematik. Kerana sepanjang-panjang bicara mukaddimah tersebut terdapat pelbagai isu dan tajuk yang dibahaskan oleh Ibn al-Jazari secara sekaligus yang sememangnya memerlukan kepada suatu usaha khusus untuk dibahagi-bahagikan kepada tajuk-tajuk khusus seperti mana yang telah dilakukan oleh Syaykh Muhaysin.

7.0 GAYA SYARAHAN MATAN

Syarahan yang dilakukan oleh penulis *al-Hadi* tidak terikat dengan susunan bayt-bayt yang terdapat dalam asal *Tayyibah* pada dua perkara usul dan farsy:

1. Bayt-bayt Surah *al-Fatihah* yang berada di awal bahagian usul, diletakkan dan disyarahkan oleh Syaykh Muhaysin di awal bahagian farsy bersama-sama dengan surah-surah lain, walaupun dalam *Tayyibah* ianya

- diletakkan di awal bab usul. Cara tersebut sebagaimana yang diperakui oleh beliau sendiri telah lama diamalkan dan ianya mengikut pengamalan sesetengah penulis terdahulu sebelum beliau.
2. Dalam Tayyibah, matan pada bahagian farsy terkadang dihimpunkan bayt-bayt beberapa surah di bawah satu tajuk. Namun dalam al-Hadi diasingkan satu persatu secara bertajuk mengikut surah-surah tertentu kecuali pada surah-surah yang tiada khilaf. Dengan pendekatan sedemikian sekalipun ianya tidak mematuhi cara Tayyibah, sebenarnya ianya lebih ‘memesrakan’ pembaca untuk lebih mengingati dan memahami perbincangan sesuatu surah dari satu surah ke surah yang lain.
 3. Memasukkan bayt-bayt syair khusus yang berkaitan dengan turuq yang terdapat dalam Tayyibah agar ia mudah diingati. Ini juga merupakan suatu pendekatan yang baru, di mana beliau tidak hanya menyebut turuq sahaja bahkan didatangkan syair khusus berkenaan dengan turuq tersebut. Jika dilihat kepada karya-karya syarah Tayyibah yang lain, belum pernah ada yang melakukan pendekatan sedemikian sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syaykh Muhaysin dalam syarahnya tersebut.
 4. Syarahan matan secara ringkas tapi padat. Cara tersebut jelas dapat dilihat jika pembaca menelaah kitab tersebut dari awal kitab hingga akhirnya yang menggunakan gaya bahasa yang mudah dan tidak panjang berjela-jela yang mungkin boleh membebankan pemahaman.
 5. Tidak membicarakan *tahrirat* atau *turuq al-Qurra* yang menurut pendapat beliau ia akan menyukarkan para pembaca dan akan menyebabkan perbincangan serta syarahan kitab akan menjadi lebih panjang.
 6. Syarahan dengan menggunakan pendekatan bernombor. Melalui cara pendekatan tersebut sebenarnya lebih mudah bagi pembaca mengingati dan memahaminya serta syarahan tersebut akan nampak lebih tersusun dan menarik. Cara atau pendekatan ini banyak diaplikasikan oleh Syaykh Muhaysin pada bahagian usul.
 7. Penulis al-Hadi juga begitu teliti ketika membuat pecahan bayt-bayt yang hendak disyarahkan dengan mengikut caranya yang tersendiri. Mana-mana bayt yang hendak dimasukkan dalam sesuatu tajuk beliau akan pastikan ianya benar-benar berkait di bawah tajuk tersebut. Cara tersebut sebenarnya menunjukkan kepada sikap penulis yang begitu peka terhadap apa yang hendak dikemukakan kepada para pembaca dan gaya pendekatan persembahannya yang bersistematik.
 8. Setelah kalimah-kalimah al-Quran yang dikhilafkan disebut oleh penulis, samaada pada bahagian usul atau pun farsy, penulis akan menyebutnya sekali lagi dalam bentuk ayat atau beberapa potong kalimah al-Quran bersama-sama pernyataan surah dan nombor ayatnya. Cara tersebut, turut dipraktikkan/diamalkan pada bahagian farsy yang walaupun awal-awal lagi pada penamaan tajuk sudah dinyatakan surah-surah yang hendak disyarahkan. Penulis berpendapat, pendekatan sedemikian akan lebih membantu pembacanya untuk mencari dan mengesan mana-mana kalimah yang dikhilafkan dengan lebih mudah dan cepat.

8.0 ISU-ISU RASM AL-QURAN

Salah satu perkara yang menarik perhatian dalam kitab *al-Hadi* ialah perbincangan isu-su *Rasm al-Qurannya* yang amat perhatian di sisi penulisnya. Setiap kali pada wajah-wajah *Qira'at* yang ada kaitan dengan *rasm* beliau akan menyebutnya dan membincangkannya.

Sesuatu wajah/gaya *Qira'at Quraniyyah* yang bertepatan dengan salah satu *Masahif 'Uthmaniyyah* adalah merupakan salah satu syarat yang disepakati oleh semua ulama' untuk menerima atau menolak sesuatu *Qira'at*. Sehubungan itu, maka boleh dikatakan bahawa Ilmu *Rasm al-Quran* sememangnya mempunyai hubungan dan peranan yang amat kuat dengan *Qira'at Quraniyyah*. Hubungan dan peranan tersebut telah begitu banyak dibicarakan oleh para ulama' dahulu dan kini melalui banyak penulisan mereka.

Isu-isu *Rasm al-Quran* sangat mendapat tempat di sisi Syaykh Muhaysin, di mana setiap kali jika ada tempat-tempat *khilaf Qira'at* yang ada hubung kait dengan *rasm* beliau akan membincarakannya. Jika diperhatikan, cara tersebut adalah merupakan salah satu pendekatan baru yang di bawa oleh penulis *al-Hadi*. Sering kali beliau akan menyebut cara penulisan al-Quran mengikut *Qira'at* tertentu yang terdapat dalam *Masahif 'Uthmaniyyah* yang diedarkan ke wilayah-wilayah Islam di zaman Saydina 'Uthman dan terkadang beliau ada juga membuat perbandingan.



Penulis berpendapat, dengan pendekatan sedemikian penulis *al-Hadi* seolah-olah ingin memperlihatkan sejauh mana praktikal salah rukun penerimaan *Qira'at Sahihah* iaitu, bertepatan dengan salah satu *Masahif 'Uthmaniyyah*. Dari sudut lain, kitab *al-Hadi* begitu amat berbeza sekali dengan semua syarahan *Tayyibah* lain yang tidak pernah membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-su rasm.

9.0 MEMPERTAHANKAN ILMU *QIRA'AT*

Penulis *al-Hadi* sering menyatakan dan mempertahankan dengan lantang sekali bahawa *Qira'at Quraniyyah* adalah merupakan suatu sunnah yang wajib diikuti dan dipatuhi tanpa ada kompromi. Kerana realitinya *Qira'at* adalah sesuatu yang diterima daripada Baginda (s.a.w.) melalui perantaraan Jibril (a.s) yang tidak dapat menerima apa jua bentuk pendapat yang direka oleh manusia atau pun *qiyas*.

Pendirian Syaykh Muhaysin tersebut amat jelas ketika mana beliau menjawab pelbagai kemungkinan persoalan yang timbul dan keraguan yang dibangkitkan oleh sesetengah ahli bahasa terhadap sesetengah wajah bacaan *Qira'at*. Sebagai contoh, beliau dengan tegas menyangkal kritikan tidak beradab terhadap wajah bacaan Imam Hamzah yang membaca kalimah: (الأرحام), ayat 1 surah al-Nisa', dengan huruf *mim* berbaris bawah. Beliau menjawab kritikan tersebut dengan panjang lebar bertunjangan hujah-hujah dan dalil-dalil yang kuat. Antara lain juga beliau mengingatkan bahawa *Qira'at Quraniyyah* semestinya dijadikan asas rujukan yang paling atas kepada apa-apa ilmu sekalipun termasuklah Bahasa Arab dan bukan sebaliknya.

Hakikat tersebut diperkuatkan lagi dengan pendapat yang dikemukakan oleh Dr. al-Sayyid Rizq al-Tawil yang mengatakan bahawa *Qira'at* adalah sumber pemantapan Ilmu *Nahw* dan pengkaedahannya. Tidak boleh sekali-kali dihukumkan *Qira'at* dengan mengikut apa yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli Bahasa yang hanya berpandukan kepada *bayt-bayt* syair yang tidak diketahui pengungkapnya atau ianya hanyalah ungkapan Arab badwi sahaja (Rizq al-Tawil, 1405H).

10.0 MEMPERKENALKAN KABILAH-KABILAH

Perbincangan kabilah-kabilah Arab sememangnya ada kaitan yang amat kuat dengan *Qira'at Quraniyyah* itu sendiri. Kerana kepelbagaian wajah bacaan *Qira'at* juga ada kaitan dengan kepelbagai umat/kabilah yang ada di zaman Rasulullah (s.a.w).

Justeru itu, dapat dilihat bagaimana Syaykh Muhaysin memperkenalkan walaupun secara ringkas kabilah-kabilah Arab yang disebut dalam syarahan beliau agar setiap latarbelakang kabilah tersebut dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya lebih mudah dikenali oleh para pembaca dengan lebih dekat (Rizq al-Tawil, 1405H, j. 3. h. 379-384). Ada berpuluh-puluh kabilah yang disebut oleh beliau semuanya dijelaskannya oleh penulis *al-Hadi*. Hal ini jika diperhatikan kepada syarahan-syarahan lain, jarang ianya diberi perhatian sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syaykh Muhaysin.

11.0 MENYALIN SEMULA *BAYT-BAYT TAYYIBAH*

Penulis *al-Hadi* juga sentiasa ingin memberi khidmat yang terbaik kepada para pembacanya. Sebagai bukti, tidak hanya memadai dengan menyebut setiap *bayt Tayyibah* ketika proses syarahan, bahkan beliau sekali lagi melampirkan semula keseluruhan *bayt-bayt* tersebut di penghujung kitabnya tersebut dan ianya lengkap berbaris.



Penulis berpendapat cara tersebut sebenarnya, boleh membantu pembacanya dan pengkajinya merujuk matan *Tayyibah* dengan tempoh masa yang lebih senang, cepat dan minima. Inilah salah satu lagi keistimewaan yang terdapat pada *al-Hadi* yang sebenarnya belum pernah dilakukan oleh mana-mana pensyarah *Tayyibah* samaada era sebelum atau semasa atau selepasnya.

12.0 PENDEKATAN PENGGUNAAN KALIMAH-KALIMAH AL-QURAN

Sememangnya penggunaan kalimah-kalimah al-Quran tidak dapat dipisahkan dengan Ilmu *Qira'at*. Kalimah-kalimah al-Quran yang dimaksudkan di sini ialah, kalimah-kalimah yang *dikhilafkan* bacaannya di sisi para *Qurra'*. Penulis *al-Hadi* begitu teliti apabila menggunakan kalimah al-Quran dalam syarahan kitabnya tersebut.

Apabila Syaykh Muhaysin menyebut mana-mana kalimah yang *dikhilafkan*, beliau akan menyebut semula kalimah tersebut samaada dalam bentuk ayat yang sempurna atau pun dalam bentuk beberapa kalimah. Kalimah itu sendiri samaada terkadang akan didatangkan/disebut semuanya dalam al-Quran. Contohnya *idgham* huruf *lam* pada (ءال لوط) dan *khilaf* antara *tahqiq* dan *tashil* pada (هائتم) yang disebut semua sekali dalam al-Quran oleh penulis atau pun memadai dengan hanya dinyatakan jumlah bilangannya sahaja dan disebut satu atau beberapa contoh.

Bagi memudahkan para pembaca, setiap kali selepas menyebut ayat atau beberapa kalimah yang terdapat padanya kalimah-kalimah yang *dikhilafkan* tersebut, penulis *al-Hadi* akan menyatakan nombor dan surah yang dimaksudkan. Seheinggakan dalam *farsy* sekalipun walaupun sudah dinyatakan tajuk perbincangan syarahan sesuatu surah akan tetap disebut nama surah dan nombor ayatnya. Sebagai contoh, syarahan di bawah tajuk: Surah Yunus. Walaupun pembaca sudah mengetahui bahawa kalimah-kalimah yang akan dibincangkan semuanya berkaitan dengan surah tersebut, penulis *al-Hadi* tetap akan menyebut sekali lagi nama surah dan nombor ayat yang terdapat padanya kalimah tersebut.

13.0 PENGGUNAAN HADITH-HADITH

Setiap kali di awal-awal persembahan kitabnya, sebelum memulakan syarahan dan perbincangannya pada mana-mana juzuk, penulis dengan caranya yang tersendiri mendahulukan sebutan *hadith-hadith* yang berkaitan dengan penurunan al-Quran dengan tujuh huruf. Di awal setiap juzuk akan dimasukkan oleh penulis dengan satu *hadith* tersebut. Semua *hadith* yang didatangkan oleh Syaykh Muhaysin adalah *hadith* yang *sahih* tarafnya.

Penggunaan *hadith* dalam *al-Hadi* begitu mendapat tempat di sisi penulisnya. Namun penggunaannya terbatas pada tempat-tempat yang tertentu sahaja. Kesimpulannya cara *takhrij hadith-hadith* dalam *al-Hadi* dengan tiga cara:

1. Dengan hanya menyebut siapakah yang meriwayatkan *hadith-hadith* yang didatangkan oleh beliau. Contohnya selepas menyebut *hadith*: (خيركم من تعلم القرآن وعلمه), beliau akan mengisyaratkan pada nota kaki dengan: (رواه البخاري، وأبو داود، والترمذي...).
2. Selepas menyebut *hadith*, memadai dengan hanya menyatakan kitab yang dirujuk. Contohnya pada *hadith*: (يقال لصاحب القرآن... الحديث) dan (اقرأوا القرآن فإنه يأتي يوم القيامة... الحديث) dalam kitab al-Fadail fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.
3. Dengan hanya menyebut *hadith* sahaja tanpa dinyatakan sumbernya langsung. Contohnya ketika Baginda (s.a.w.) bersabda kepada seorang lelaki yang telah melakukan kesalahan yang berkaitan dengan waqaf: (بنس خطيب القوم أنت... الحديث)

Penulis berpendapat, walaupun penulis *al-Hadi* tidak mengikut kaedah *takhrij hadith* yang lengkap, namun jika dilihat kepada *hadith-hadith* yang dibawa oleh beliau semuanya *sahih* belaka yang sememangnya masyhur penggunaannya sebagaimana yang telah dijelaskan.



14.0. ILMU TAWJIH/IHTIJAJ QIRA'AT

Al-Hadi juga adalah kitab syarahan yang sangat memberi tumpuan dan perhatian terhadap pentawjihan wajah-wajah *Qira'at Qur'aniyyah*. Pendekatan penulisnya apabila membicarakannya ialah dengan gaya yang mudah dan ringkas agar ianya mudah difahami oleh para pembacanya. Kitab *al-Hadi* bukan hanya memberi penumpuan kepada syarahan semata-mata, bahkan ia juga memberi penumpuan kepada Ilmu *Tawjih*. Tujuan pentawjihan *Qira'at* ialah untuk menjelaskan wajah-wajah bacaan *Qira'at* itu sendiri, ketepatannya dengan kaedah-kaedah *nahw* dan menolak apa jua dakwaan dan tuduhan songsang terhadap sesetengah wajah bacaan *Qira'at* (Ahmad Muflih al-Qudah, et. al, 2001).

Pentawjihan *Al-Hadi* dibahagikan kepada 2 bahagian:

A. Bahagian *Usul*.

Perbincangan pentawjihan pada bahagian *usul* banyak berkait dengan *lahjah* dan ianya tidak mempunyai pengaruh dalam penafsiran al-Quran. Namun, *al-Hadi* begitu jelas membicarakan pentawjihan wajah-wajah *Qira'at* pada bahagian ini. Kebanyakannya, sebelum memulakan syarahan sesuatu bab, beliau akan memperkenalkannya dengan sejelas-jelasnya dan terkadang ada sesetengah bab diperkenalkan ketika syarahan. Sebagai contoh pengenalan *Bab Idgham*, *Ha' al-Kinayah* dan *Bab Mad* dan *Qasr* dari sudut bahasa dan istilah yang lengkap dengan bahagian-bahagiannya, yang mana asal dan yang mana cabang dan jika ianya ada kaitan dengan puak-puak tertentu yang menggunakannya, akan disebut.

Seterusnya akan dinyatakan sebab-sebab/*tawjih* setiap wajah bacaan yang ada. Perlu diingat bahawa aspek bahasa dan pengaruhnya dalam pentawjihan *wujud al-Qira'at* amat berkait rapat antara kedua-duanya. Maka, sebab itulah penulis *al-Hadi* begitu memberi penekanan terhadap kepentingan penggunaan bahasa ketika mentawjihkan wajah-wajah *Qira'at* yang berkaitan pada bahagian ini.

B. Bahagian *Farsy*

Pada bahagian ini pula penulis *al-Hadi* akan melakukan pentawjihan wajah-wajah *Qira'at* selepas mana dijelaskan *khilaf* bacaannya satu persatu. Sebagai contoh:

1. *Khilaf* kalimah: (الأرحام), (Surah al-Nisa' (4): 1). Bacaan Imam Hamzah dengan *mim* berbaris bawah dan baki *Qurra'* lain dengan baris atas. Selanjutnya beliau akan mula menjelaskan sebab-sebab/*tawjih* wajah bacaan di samping menolak dakwaan dan kritikan sesetengah ahli bahasa terhadap wajah bacaan Hamzah. Beliau telah mengemukakan hujah-hujah bahasa, ayat-ayat al-Quran, syair-syair, tafsir serta pendapat-pendapat ilmuan bahasa. Paling penting, al-Quran sekali-kali tidak akan didahului oleh mana-mana ilmu lain.
2. Antara contoh cara pentawjihan yang ringkas ialah, *khilaf* pada: (يصرف) (Surah al-An'am (6):16). Selepas penulis membentangkan wajah bacaan dan pembacanya, penulis akan menyatakan hujah bacaannya dari sudut bahasa secara ringkas dan makna penafsirannya.

Demikianlah antara contoh-contoh cara pentawjihan *wujud al-Qira'at* yang terdapat dalam kitab *al-Hadi* yang menggunakan cara pendekatan dan gaya bahasa yang mudah dan tidak terlalu panjang.

Inilah ciri-ciri keistimewaan dan kelainan yang dimiliki oleh kitab *al-Hadi* dalam mensyarahkan matan al-Tayyibah yang secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk mendekatkan dan memudahkan para pembaca memahaminya. Tidak seperti sesetengah syarahan *Tayyibah* yang lain yang terkadang pemahamannya agak menyukarkan pembacanya. Justeru itu, dapat dilihat peranan *al-Hadi* yang cuba keluar daripada apa jua bebanan kepayahan dan kesulitan kepada kemudahan melalui pendekatan-pendekatannya yang tersendiri seperti yang telah dinyatakan.



15.0 KESIMPULAN

Keistimewaan kitab *al-Hadi* sebagai salah satu syarahan matan *Tayyibah al-Nasyr* terserlah apabila dilihat dari pelbagai sudut. Keistimewaannya ialah segala wajah *Qira'at Qur'aniyyah* yang dibincangkan dan dimuatkan di dalam keseluruhan kitab tersebut semuanya adalah mutawatirah, kecuali pada tempat yang telah dinyatakan oleh penulis sebelum ini. Keberhasilannya juga adalah hasil rujukan yang dilakukan kepada kebanyakan rujukan-rujukan yang muhtabar yang mewakili pelbagai bidang Ilmu Islam. Di samping itu juga, ketokohan penulis *al-Hadi* dalam Ilmu *Qira'at* dan kematangan beliau sewaktu menghasilkan karya tersebut boleh dianggap telah memberi peranan yang amat besar dan berkesan kepada keistimewaannya.

Faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada keistimewaaan *al-Hadi* ialah jarangnyanya syarahan matan *Tayyibah* dilakukan oleh para ilmuan *Qira'at* lain, persembahannya secara bertajuk dan bertopik yang memudahkan para pembacanya dan gaya syarahannya yang mudah dan ringkas. Kitab *al-Hadi* juga adalah sebuah kitab syarahan *Qira'at* yang sangat memberi perhatian kepada isu-isu *Rasm* al-Quran. Setiap kali ada wajah-wajah *Qira'at* yang berkait dengan *rasm* pasti beliau akan membicarakan dan mengupasnya dengan sebaik mungkin.

Tumpuan *al-Hadi* bukan sahaja kepada perkara-perkara yang telah disebut sebelum ini sahaja, bahkan penulisnya turut mempertahankan Ilmu *Qira'at* dengan kuat sekali serta jitu apabila timbul isu-isu yang cuba mengaburkan dan mengganggu gugat kemukjizatan *Qira'at Qur'aniyyah*. *Al-Hadi* juga mengambil inisiatif dengan memperkenalkan semua kabilah-kabilah Arab yang terdapat di dalamnya, menyalin dan melampirkan semula matan *Tayyibah* yang lengkap berbaris, kalimah-kalimah al-Quran dinombor dan dibariskan dengan sebaiknya, *hadith-hadith* dinyatakan sumbernya dengan lengkap dan *pentawjihannya* bercirikan *pentawjih* yang ringkas.

Inilah keistimewaan-keistimewaan yang terdapat pada *al-Hadi* sebagai salah satu syarahan matan *Tayyibah* yang seharusnya dimiliki, diterokai, dikaji dan dipelajari sebaik mungkin agar kemanfaatannya boleh diraih.

RUJUKAN

- al-Andalusi, Sayyidi 'Abd al-Wahid bin 'Asyir. 1995M/1415H, *Tanbih al-Khallaan 'ala al-I'lan bi Takmil Mawrid al-Zam'an*, Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tawil, Dr. al-Sayyid Rizq (1405H), *Fi 'Ulum al-Qira'at*, Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Faisaliyyah.
- Dubai International Holy Quran Award. 2008. Dawrah al-Hadi 'Asyarah. <http://www.quran.gov.ae/ar/DIHQAP/IslamicPersonality/Pages/EleventhSession.aspx> [18 Oktober 2008].
- International Holy Quran Award. 2008. Dawrah al-Hadi 'Asyarah. <http://www.quran.gov.ae/ar/DIHQAP/IslamicPersonality/Pages/EleventhSession.aspx> [18 Oktober 2008].
- Mansur 'Ali Nasif, al-Syaykh. 1993M/1413H, *al-Taj al-Jami' li al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, j. 1, cet. 5. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadiyy, Dr. 1999M/1420H, *Takhrij al-Hadith Nasy'ah wa Manhajiyatuh*, Bangi: Dar al-Syakir.
- Muhammad Ibrahim Muhammad Salim Muhaysin. (2006 Disember 15). *Biodata Syeikh Salim Muhaysin*. Qaryah Rawdah. (Temuramah).
- Muhammad Salim Muhaysin, Dr. 1997M/1417H, *al-Hadi*. Jilid 1 & 2. Jordan: Maktabah Dar al-Jayl.
- Muhammaad Salim Muhaysin, Dr. 1978M/1298H, *al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah*, j. 2, Kaherah: Maktabah Kaherah.
- Yasir Muhammad Muhammad Muhammad Salim Muhaysin. (2006 Disember 17). *Biodata Syeikh Salim Muhaysin*. Rab'ah, Kaherah. (Temuramah).